UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HZZ 201 Apresiasi Muzik Barat

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab TUJUH [7] soalan, SEMUA LIMA [5] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan. [Esei pendek (satu paragraf)]

1. Nyatakan beberapa cara di mana muzik Dunia Timur telah mempengaruhi stail muzik Dunia Barat yang dikenali sebagai Impresionisme.

2. Bincangkan dengan ringkas konsep konsertato dan bagaimana ianya digunakan di dalam sekurang-kurangnya dua jenis (bentuk) muzik Barok.

3. Secara ringkas terangkan konsep 'word painting' ('mewarnakan perkataan') yang digunakan dalam muzik. Tumpukan perhatian kepada istilah-istilah yang muncul akibat fenomena ini dan cara-cara konsep ('word painting')ini digunakan dalam ciptaan muzik tertentu daripada Zaman Renaissance sehingga tahun 1940-an.

4. Camkan ciptaan muzik berikut dengan memberi perhatian kepada [a] bentuk, [b] zamannya, [c] komposer yang mungkin telah mencipta karya ini dan [4] ciri-ciri muziknya yang penting.

5. Berasaskan kepada muzik yang berikut, [a] terangkan bentuknya, [b] nyatakan cara-cara bentuk ini telah diperkembangkan [secara ringkas] dan [c] bincangkan ciri-ciri muziknya yang penting.

**BAHAGIAN B** - **Jawab DUA [2] soalan. [Esei panjang]**

6. Bincangkan ciri-ciri muzik, dan ciri-ciri masyarakat dan budaya orang Eropah yang telah memperbezakan Zaman Klasikal dengan Zaman Romantis. Nyatakan nama-nama beberapa komposer, bentuk muzik mereka dan ciri-ciri muzik yang penting dalam kedua-dua Zaman itu.

7. Opera dianggap sebagai salah satu bentuk muzik sangat penting yang muncul pada Zaman Barok. Bincangkan mengenai perkembangan bentuk ini di dalam sejarah muzik Barat dari segi [a] bentuk-bentuk opera yang tertentu, [b] ciri-ciri muziknya dan juga mengenai bahan-bahan sastera (cerita) yang digunakan, dan [c] komposer-komposer opera yang berkenaan.

8. Dalam tradisi muzik Barat satu bentuk muzik instrumental yang penting dikenali sebagai simfoni. Bincangkan mengenai asal dan perkembangan bentuk ini di dalam sejarah muzik Barat sehingga abad keduapuluhan. Sebutkan komposer-komposer dan ciri-ciri stail penting yang berkaitan dengan bentuk simfoni itu.

9. Bincangkan mengenai perkembangan teknologi dalam muzik dan pengaruhnya dalam komposisi dan persembahan muzik daripada tahun 1940-an hingga sekarang. Sokongkan jawapan anda dengan merujuk kepada beberapa komposer dan ciptaan mereka yang penting. Terangkan bagaimana fenomenon ini akan mempengaruhi anda sebagai pemuzik profesional.

**Bahagian A - Soalan 4**




27.



.../4

## Bahagian A - Soalan 5




-oooOOOooo-